



# TEMA & LOGO

**HARI KEBANGSAAN  
DAN HARI MALAYSIA 2025**



# KANDUNGAN

**PENGENALAN**

**01**

**RASIONAL TEMA & LOGO  
HKHM 2025**

**02**

**JENIS FON & WARNA LOGO  
HKHM 2025**

**03**

**VERSI LOGO  
HKHM 2025**

**04**

**LATAR LOGO  
HKHM 2025**

**05**

**ZON BEBAS LOGO  
HKHM 2025**

**06**

**SAIZ DAN SUSUN LETAK  
LOGO HKHM 2025**

**07**

**CONTOH UBAH SUAI LOGO  
YANG TIDAK DIBENARKAN**

**08**

# PENGENALAN

---

Tema dan logo bagi Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) menjadi satu simbol serta elemen penting dalam sambutan HKHM setiap tahun.

Sebagai sebuah negara yang diwarnai dengan kepelbagaian latar belakang rakyat, pemilihan tema dan logo HKHM 2025 jelas mencerminkan prinsip dan nilai kesatuan rakyat Malaysia yang menghargai detik keamanan yang dikecapi ketika ini.

Sehubungan itu, kerajaan telah memutuskan tema HKHM tahun 2025 ialah 'Rakyat Disantuni' manakala logo Malaysia MADANI kekal dijadikan logo rasmi sambutan HKHM tahun ini.

Buku ini menjadi panduan asas penggunaan logo HKHM 2025 namun tidak bermaksud untuk mengehadkan kreativiti bahan penerbitan.

# RASIONAL TEMA

## HKHM 2025

---

Cerminan visi kerajaan untuk memperkukuh pembangunan negara dengan pendekatan berteraskan nilai kemanusiaan, kesejahteraan sosial, dan keadilan. Konsep “Malaysia MADANI” melibatkan prinsip yang seimbang antara pembangunan material dan rohani, merangkumi aspek kemajuan ekonomi, integriti pentadbiran, dan perpaduan masyarakat.


Penekanan pada tema "Rakyat Disantuni" pula menggambarkan keutamaan kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat diberikan perhatian utama.

# RASIONAL LOGO

## HKHM 2025

---

Logo Malaysia MADANI dijadikan sebagai logo rasmi HKHM pada tahun ini kerana reka bentuk logo ini berteraskan Malaysia MADANI yang menghasilkan corak simbolik ‘tangan yang sedang diangkat, untuk melafazkan ikrar Rukun Negara’.



## **JALUR**

Melambangkan lima jari dengan jalur merah dan putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara yang mendasari ideologi Malaysia.

## **BULAN SABIT**

Melambangkan simbol agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

## **BINTANG**

Berbucu 14 melambangkan perpaduan dalam kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

## **BULATAN**

Dalam lingkungan warna biru melambangkan permuafakatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat.

## **WARNA KUNING**

Pada anak bulan dan bintang itu adalah tanda negara ini dinaungi oleh Raja Berperlembagaan.

## **WARNA MERAH**

Adalah tanda semangat jati diri rakyat Malaysia yang mendukung semangat wira yang membara.

## **WARNA BIRU**

Mendasari apresiasi jalinan budaya perpaduan nasional masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

## **WARNA PUTIH**

Tanda keikhlasan dan keamanan sebuah negara bangsa yang merdeka.

## **WARNA HITAM**

Keyakinan rakyat terhadap kemajuan kehidupan dalam citra Malaysia yang unik.

# JENIS FON & WARNA LOGO HKHM 2025

Penggunaan fon untuk Malaysia MADANI seperti berikut:

## 1. SF PRO DISPLAY

Untuk media digital dan dalam talian.


## 2. SF PRO TEXT

Untuk media cetak.



Penggunaan fon untuk tema Rakyat Disantuni:

## 1. PHEONIX ISLAND



Warna logo HKHM 2025 adalah biru, merah, kuning, hitam dan putih.

Gunakan palet warna utama sebagai kaedah mengenal pasti visual utama.

Palet warna sekunder pula digunakan untuk kepelbagaian dan kebolehsuaian.

### PALET WARNA UTAMA



#### BIRU

CMYK 100 / 93 / 24 / 23  
sRGB 0 / 26 / 112  
Pantone 2748 C | 2748 U



#### MERAH

CMYK 0 / 98 / 93 / 1  
sRGB 215 / 40 / 47  
Pantone 1795 C | 1795 U



#### KUNING


CMYK 0 / 23 / 100 / 1  
sRGB 225 / 198 / 0  
Pantone 7548 C | 7548 U

### PALET WARNA SEKUNDER



#### HITAM

CMYK 0 / 0 / 0 / 100  
sRGB 0 / 0 / 0  
Pantone P process C and U



#### PUTIH

CMYK 0 / 0 / 0 / 0  
sRGB 255 / 255 / 255  
Pantone P 1-1 C and P 1-1 U

# VERSI LOGO HKHM 2025

Dalam beberapa keadaan, versi lain bagi logo HKHM 2025 boleh digunakan.



❶ Berwarna A



❷ Berwarna B



❸ Berwarna C



❹ Hitam dan Putih



❺ Hitam Terbalik



❻ Putih Terbalik

# LATAR LOGO

## HKHM 2025


Penggunaan latar berwarna putih paling sesuai bagi menyerlahkan logo HKHM 2025 agar lebih jelas dan mudah dikenali. Penggunaan latar belakang berwarna dan berimej dibenarkan jika logo boleh dilihat dengan jelas.



Pemilihan latar perlu praktikal. Elakkan penggunaan warna atau imej yang sama dengan logo Malaysia MADANI.


# ZON BEBAS LOGO HKHM 2025

Zon bebas ialah kawasan yang mengelilingi logo HKHM 2025 yang bebas daripada sebarang jenis maklumat visual yang boleh menyaingi, mengalih perhatian atau menarik perhatian daripada logo HKHM 2025. Zon bebas menjamin kejelasan dan keterampilan logo HKHM 2025. Sebarang mesej atau elemen visual lain mesti diletakkan di luar zon bebas.



**1** A = 100% | B = 50%

Untuk memastikan logo HKHM 2025 menonjol pada setiap masa, saiz zon bebas (B) di sekeliling logo hendaklah sentiasa 50% daripada nilai tinggi maksimum 100% (A) logo HKHM 2025.




**2** A = 100% | C = 25%

Zon bebas 25% (C) daripada nilai tinggi maksimum 100% (A) logo HKHM 2025 boleh digunakan untuk ruang yang terhad. Walau bagaimanapun, zon bebas 100% hendaklah sentiasa menjadi keutamaan.


# SAIZ DAN SUSUN LETAK HKHM 2025

Berikut merupakan cadangan susun letak logo Hari Kebangsaan 2025 di pelbagai platform agar ianya bersesuaian dan terlihat dengan jelas.

1. Cadangan susun letak logo bagi risalah kempen, video informasi, brosur dan pembentangan.




2. Cadangan susun letak bagi laman web.




3. Cadangan susun letak di akhir video atau filem.



4. Cadangan susun letak sebagai TV Bug.



5. Cadangan susun letak di video di media sosial.



Saiz logo hendaklah mencapai saiz optimum bersesuaian dengan halaman agar kelihatan jelas.

# CONTOH UBAH SUAI LOGO YANG TIDAK DIBENARKAN



**Untuk keterangan lanjut mengenai  
Tema dan Logo Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025,  
sila layari:**

**[www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my)**



**Terbitan  
Jabatan Penerangan Malaysia  
Kementerian Komunikasi**